

Pesaka Datuk Kelana bukan milik Orang Asli

SEREMBAN, Selasa — Anak-anak Waris di Darat Luak Sungai Ujong yang mengaku berketurunan Batin Berchanggal Besi (Orang Asli) adalah sebenarnya Waris Lingkungan, yang juga dikenali sebagai 'Waris Mendatang dari Beranang'.

Ini terkandung dalam Fasal 14 Ceraian 7, 8 dan 9 Terombo Asal Luak Sungai Ujong dan dengan itu mereka tidak layak menyandang pesaka Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong), demikian menurut sumber tertinggi adat di sini hari ini.

Mengikut Terombo Asal Luak itu, anak-anak Waris Rumpun Telaga Undang (Bayu) ialah berketurunan Batin Berchanggal Besi yang berkahwin dengan Berderal Besi.

"Rumpun Telaga Undang sebenarnya ialah Waris Lingkungan yang dikenali juga sebagai 'Waris Mendatang dari Beranang' yang berketurunan Orang Asli bernama Batin Berchanggal Besi.

"Ini diakui sendiri oleh seorang jurucakap anak-anak Waris di Darat yang mendakwa mewakili sebilangan besar mereka yang berketurunan Batin Berchanggal Besi semalam.

"Hakikat ini diperkukuhkan lagi apabila mereka berkata bahawa setiap istiadat kerjan (tabal) Datuk Kelana Putra hendaklah disempurnakan oleh seorang Batin Orang Asli yang berasal dari Beranang," kata sumber itu kepada Berita Harian.

Mesti disempurnakan 3/2/88

Sumber itu berkata pesaka Datuk Kelana Putra berasal daripada keturunan Puteri Mayang Selida (Pantal) yang berkahwin dengan Sultan Abdul Jalil II dari Johor, yang menghasilkan seorang anak lelaki bernama Bendahara Skudai.

Bendahara Skudai pula mempunyai dua anak lelaki iaitu Tok Kelambu, yang juga dikenali sebagai Mohd Tambu dan Tok Musang. Keturunan Tok Kelambu mewarisi pesaka Datuk Kelana Putra manakala keturunan Tok Musang pula mewarisi pesaka Datuk Shahbandar.

"Tiga Undang pertama Luak Sungai Ujong adalah berketurunan Bugis iaitu Datuk Kelana Bador, Leha (lelaki) dan Bahi. Mereka menyandang pesaka Datuk Kelana menerusi baka (bapa) dan bukannya saka (ibu).

"Beberapa fakta sejarah juga diputarbelitkan oleh sekumpulan anak-anak Waris daripada Rumpun Telaga Undang. Contoh yang paling nyata ialah Tok Kelambu atau Mohd Tambu sebenarnya mempunyai tiga anak dan bukannya empat.

"Semua keterangan ini dengan jelas menunjukkan bahawa pesaka Datuk Kelana Putra adalah milik keturunan Bendahara Melaka menerusi Johor dan bukannya milik Orang Asli," jelas sumber itu.

Menurut sumber itu, Orang Asli di Luak Sungai Ujong ketika itu masih belum bertamadun dan mereka hanya sekadar mampu menghitung satu hingga tiga sedangkan urusan pentadbiran adat memerlukan pengalaman yang luas.